



Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
(in English, BM, Chinese,
& Tamil)
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Surat Kepada Pengarang

26 April 2023

Tindakan tegas perlu diambil terhadap pelaku pembakaran terbuka

Pada 2016, kerajaan pada ketika itu mencadangkan untuk merampas tanah di mana berlakunya kebakaran besar akibat teknik penebangan semula hutan secara tebang dan bakar yang sering digunakan oleh pengusaha ladang kelapa sawit. Malangnya, idea itu digugurkan pada tahun 2020. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan sekarang untuk mempertimbangkannya semula untuk menerima pakai sebagai salah satu langkah bagi meminimumkan pencemaran udara dan jerebu rentas sempadan.

Pembakaran berskala besar, terutamanya semasa cuaca panas dan tempoh peralihan monsun, menyebabkan pencemaran jerebu daripada asap terampai dan zarah debu dalam udara kering. Jerebu rentas sempadan semasa di negeri-negeri utara Malaysia adalah disebabkan oleh pergerakan angin yang membawa udara tercemar dari kawasan panas di sub wilayah Mekong yang terdiri daripada Kemboja, Myanmar, Laos, Vietnam dan Thailand. Kebakaran gambut dan pembakaran terbuka hasil daripada penyambungan semula aktiviti ekonomi selepas Covid-19 turut menyumbang kepada masalah jerebu semasa di negara ini.

Kami menggesa agar Malaysia mencontohi penggubalan Akta Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan Singapura pada 2014 untuk membolehkan kerajaan Singapura menyaman syarikat yang menyebabkan pencemaran alam sekitar rentas sempadan.

Terdapat Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan yang dibuat pada 2002 dan Malaysia merupakan salah satu daripada 10 negara yang menandatangani. Di bawah Perjanjian itu, kerajaan komited untuk mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan masalah jerebu. Malangnya, komitmen untuk mengurangkan jerebu itu telah diabaikan.

Malaysia perlu mempertimbangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau daripada pembakaran terbuka selain jerebu. Justeru itu, bukan sahaja musim antara monsun yang membimbangkan, gas rumah hijau seperti karbon dioksida membantu memerangkap haba di atmosfera. Akibatnya boleh memudaratkan seperti membawa kepada kegagalan tanaman dan seterusnya menyebabkan kekurangan makanan.

Setiap langkah yang diambil untuk mengurangkan atau menghapuskan pencemaran udara adalah penting kerana dunia kini sedang mengalami krisis iklim. Oleh itu, jerebu rentas sempadan hanyalah salah satu daripada kebimbangan yang perlu diatasi.

Ia mengambil masa lebih daripada seratus tahun penyelidikan dan data untuk meyakinkan komuniti saintifik mengenai perubahan iklim. Ia memerlukan usaha semua orang untuk menyokong komuniti saintifik dalam menangani isu krisis iklim global.

Dalam Profil Negara Risiko Iklim: Malaysia oleh Kumpulan Bank Dunia (WBG) dan Bank Pembangunan Asia (ADB), laporan itu memberi amaran bahawa Malaysia akan mengalami gelombang haba yang diunjurkan meningkat dengan ketara dalam kekerapan dan intensiti akibat iklim yang semakin panas.

Laporan itu juga menyatakan bahawa banjir akan menyumbang kepada "lebih banyak kerosakan daripada mana-mana (bahaya semula jadi) yang dialami oleh negara".

Penggubal dasar perlu membaca laporan ini dengan serius untuk merancang pembangunan bandar, sektor pertanian, antara lain. Ini kerana trend pemanasan global yang diramalkan akan memberi kesan kepada infrastruktur dan rancangan sedia ada. Contohnya, laut mungkin mengancam perkampungan tepi laut manakala saluran yang lebih luas dan dalam diperlukan untuk tebatan banjir.

Pemanasan global akan menyebabkan perubahan yang lebih teruk dalam corak cuaca sekali gus menggesa kerajaan supaya mengambil sikap yang lebih tegas terhadap operasi tebang dan bakar oleh syarikat.

Kami mengulangi gesaan kami agar kerajaan merampas tanah di mana operasi tebang dan bakar berlaku dan menggubal Akta untuk membawa syarikat ke mahkamah bagi pencemaran rentas sempadan.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)